

Antara Umat Islam...

Satu keraguan lagi mungkin timbul iaitu kerana apa di atas tadi saya (kecualikan umat Islam Pakistan?) Jawabnya sebagaimana semua dunia ketahui bahawa setakat ini umat Islam Pakistan sahajalah yang telah berjaya mendirikan sebuah negara Islam. (Sekalipun tabiat dan bentuknya belum lagi merupakan benar-benar bercorak keislaman yang tulen sejati, sebagaimana yang dicita-citakan oleh umat Islam di negara itu. – P).

Negara pujaan dan negara kesayangan yang tunggal bagi umat Islam sedunia yang masih muda rumaja itu belum pun lagi dapat menjalankan 40 peratus dari ajaran-ajaran mukjizat al-Qur’ān, tetapi telah berjaya memandu rakyatnya yang 80 juta Islam dan 20 juta yang bukan Islam itu ke ambang mahligai kemuliaan hidup

mana tidak berapa jauh lagi nun di anjung istana terletak singgahsana yang layak dengan umat yang akan menerima gelaran tuhan: *Ummata wasatā litakūnū shuhada’ā ‘alā al-nās*)³.

Maksudnya: ((Umat pertengahan (adil atau terpilih) supaya kamu menjadi saksi (untuk memberi keterangan) kepada manusia (tentang perkara yang benar dan yang salah))) – P.

Semasa umat Islam Pakistan sedang di dalam perjalanan menuju ke anjung istana bagi menjejak kakinya ke singgahsana kemuliaan itu, maka berkewajipanlah bagi umat Islam sedunia memberikan doa restunya, semoga cita-cita mulia umat Islam Pakistan itu berjaya, kerana tidak ada sesiapa pun boleh menjamin, bahawa negara muda itu tidak akan dihindangi oleh sebarang wabak penyakit yang menghalangi tercapainya cita-cita mulia rakyatnya. Sekian *wa billāhi al-Tawfiq*.

Ucapan Takziah

(Innā lillāh wa innā ilayhi rāji’ūn)

Melalui telefon saya telah menerima suatu berita sedih dari Sarawak bahawa Syed Ahmad Muṣṭafā al-‘Iḍrūs – lebih terkenal dengan nama “Wan Ahmad” telah meninggalkan dunia di rumahnya di Kuching Sarawak, pada hari Khamis 26 haribulan Jun 1969 – bersamaan 11 haribulan Rabi’ al-Akhir 1389 H.

Beliau pada masa hayatnya sentiasa memberikan perkhidmatannya terhadap para jemaah haji Sarawak dengan memandu mereka mengerjakan ibadah haji ke Baitullah al-Ḥarām – Mekah al-Mukaramah-pada setiap tahun.

Atas kematian Allahyarham itu, saya atas nama sekalian keluarga di Malaysia dan Singapura mengucapkan “Takziah”, dengan mendoakan ke hadrat Allah *subḥānahu wa Ta’ālā*, mudah-mudahan roh Allahyarham itu dihimpunkan bersama-sama dengan *al-anbiyā’ wa al-syuhadā’ wa al-ṣāliḥīn* di syurga *janat al-Na’īm*. Kepada sekalian kaum keluarga Allahyarham itu saya mengharapkan supaya mereka memperbanyakkan sabar dan menerima qada’ tuhan ini dengan perasaan hati yang tenang – al-Fātiḥah!

Abdullah bin Hamid al-‘Idrus

Petaling Jaya – Selangor.

³ Sūrah al-Baqarah, ayat 143.